

IMPLIKASI PROGRAM AMALI SOLAT DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR : KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH ALOR GAJAH, MELAKA

Suhaimi Abu Hasan

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Mohd Azam Yahya

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Ahmad Faqih Ibrahim

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: suhaimi@kuim.edu.my

Article history:

Received : 23 August 2021

Accepted : 18 November 2021

Published : 28 December 2021

ABSTRAK

Sekolah merupakan tempat pelajar mendapatkan pencapaian akademik dan membina sahsiah diri yang cemerlang. Penekanan penghayatan ibadah terutama kewajipan solat adalah penting untuk diterapkan bagi menjamin pembentukan akhlak di kalangan pelajar. Kajian yang dilakukan di enam sekolah daerah Alor Gajah ini bertujuan menganalisis implikasi Program Amali Solat terhadap pembentukan pelajar di setiap sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka. Metod utama kajian ini adalah kuntitatif, data diambil melalui pengedaran borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences Version 22.0 (SPSS v22.0). Kajian ini mendapati, Program Amali Solat mampu memberi impak yang tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar di sekitar sekolah daerah Alor Gajah serta tahap pengamalan solat sehari pelajar adalah tinggi pada skala 3.67-5.00. Ini menunjukkan satu gabaran awal keadaan suasana pelajar di sekolah Alor Gajah masih ditahap yang baik dan terkawal.

Kata Kunci: Program Amali Solat, Pembentukan Akhlak Pelajar, Remaja

IMPLICATIONS OF PRAYER PRACTICE PROGRAM IN THE FORMATION OF STUDENT MORALITY: A STUDY IN ALOR GAJAH DISTRICT SECONDARY SCHOOL, MELAKA

ABSTRACT

School is a place where students achieve academic achievement and build excellent personalities. Emphasis on the appreciation of worship, especially the obligation of prayer is important to be applied to ensure the formation of morals among students. This study conducted in six schools in Alor Gajah district aims to analyze the implications of the Amali Solat Program on the formation of students in each secondary school in Alor Gajah District, Melaka. The main method of this study is quantitative, data were taken through the distribution of questionnaires and analyzed using Statistical Package for Social Sciences Version 22.0 (SPSS v22.0). This study found that the Practicing Prayer Program is able to give a high impact in the formation of student morals around the Alor Gajah district schools as well as the level of daily prayer practice of students is high on a scale of 3.67-5.00. This shows an initial picture of the situation of students in Alor Gajah schools is still at a good level and under control.

Keywords: *Prayer Practice Program, Student Morality Formation, Adolescents*

PENDAHULUAN

Solat merupakan ibadat yang agung dalam Islam melalui kemuliaan pensyariatanNya dalam sejarah Isra' dan Mi'raj Rasulullah SAW bertemu Allah SWT berbanding ibadat-ibadat yang lain. Ini menunjukkan bahawa ibadah solat itu terlalu istimewa di sisi Allah SWT (Anisah Ab. Ghani, 2001). Selain itu solat merupakan titik permulaan ke arah pembentukan individu yang benar-benar komited dengan ajaran Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w. (Nur Dalilah et. al, 2013).

Ibadat solat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib kita tunaikan. Kewajipan tersebut dijelaskan oleh Allah SWT melalui surah al- Nisa' ayat 103 :

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَلَاذِكْرُوا اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ فَإِذَا أَطْمَانْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْفُورًا

١٠٣

Selain itu, Solat merupakan amalan yang utama dalam Islam serta dianggap kepala segala perkara di dalam Islam, malah menjadi kayu pengukur bagi melihat sejauhmana kualiti amalan manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Di samping itu juga, ia dipertanggungjawabkan kepada *mukallaf* dan kewajipan itu tidak gugur selagi mana dinamakan sebagai *mukallaf*. Kesempurnaan solat dapat

dirangkumi dari aspek zahir dan batin seperti kesempurnaan rukun, syarat, kefahaman serta penuh khusyuk, niat bersih serta ikhlas diri adalah bertujuan untuk membaiki keperibadian tingkah laku manusia dalam kehidupan sehari-hari. Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45 :

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۖ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ۝

Justeru itu, kesinambungan amalan solat seseorang itu mampu menjadi perisai dan benteng yang ampuh dalam menghadapi fitnah, kemungkaran, kejahatan dan hasutan syaitan. Seseorang itu akan merasakan Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan tingkah lakunya sehingga dapat menjauahkan dirinya dari segala bentuk kemungkaran serta menjaga dirinya dari perkara-perkara yang negetif (Mustafa Masyhur, 1989).

Dewasa kini, asas pendidikan Islam yang dikaitkan dengan solat di kalangan anak-anak perlu diberi penerapan yang sewajarnya serta perhatian penuh oleh pihak yang berwajib seperti ibu bapa dan guru-guru seawal umur tujuh tahun (Abdullah Nasih Ulwan, 1983). Dalam hadis riwayat Abu Daud meriwayatkan dari nabi SAW :

مُرُوا أَوْ لَا ذَكْرٌ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ²

Para ibu bapa perlu menyedari akan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah bagi memastikan anak-anak bawah jagaan mereka melaksanakan solat secara berterusan (*istiqamah*) kerana solat merupakan tonggak utama untuk mengisi jiwa anak-anak dengan akidah tauhid (Muhammad Thalib, 1997). Menurut al-Ghazali (1994) dalam kitab *Ihya’ Urum al-Din* menyatakan bahawa solat merupakan tiang agama dan tonggak keyakinan serta menjadi asas kepada pelbagai kaedah cara mendekatkan diri hamba kepada Allah SWT dan menjadi sinar kecemerlangan untuk berbakti kepadaNya. ‘Sehubungan dengan itu, kajian ini secara umumnya memfokuskan pembentukan akhlak seseorang melalui pendidikan solat. Secara khususnya, kajian ini menganalisis impak solat dikalangan remaja khususnya kepada pelajar sekolah dalam kehidupan sehari-hari hasil daripada program-program yang ditetapkan oleh pihak kementerian seperti Program Amali Solat.

Oleh hal demikian, perkara kurikulum pendidikan di peringkat menengah khususnya sedang mengalami proses transformatif yang diperkuuh dan ditambah baik hari demi hari sehingga dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang dicadangkan pelaksanaannya secara berperingkat mengikut kesesuaian. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah

² Riwayat Abu Daud, bab Solat, no hadith 495, *Riyadatul al-Solihin*, bab Wujub Amr Wa Ahli Wa Awladih Al Mumaizin Wa Saairi Man Fih Riayatih Bi Taatihillah Wa Nahyhum An Al Mukhalafati Wa Ta’dibihim Wa Manaahum An Irtikabi Manh Anhu, no hadith 299, ms 102. Darul Salam: Kaherah, 2008.

membina mata pelajaran Pendidikan Islam bukan sahaja tertumpu kepada teoritikal sahaja malah ditekankan juga penekanan praktikal bagi memenuhi keperluan semasa ini. Malahan penekanan ini dilihat bersifat holistik, bersepada dan berkembang serta bersifat autentik sejajar dengan matlamat pendidikan Islam di Malaysia khususnya, iaitu menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh serta berakhhlak mulia berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Matlamat Pendidikan Islam adalah seperti berikut :

“Pendidikan Islam merupakan suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (2015)

Oleh hal demikian, modul-modul yang berkaitan kurikulum menengah yang telah dibina oleh pihak kementerian merangkumi penekanan kepada kemahiran enam bidang pembelajaran utama iaitu dalam bidang al-Quran, bidang hadith, bidang akidah, bidang feqah, bidang sirah dan tamadun Islam serta bidang akhlak.

Bagi merealisasikan dan memperkasakan hasrat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam serta matalamat dan objektifnya khususnya berkaitan dengan solat, maka Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) sejak tahun 1989 berteraskan KBSM di bawah KPM telah mengarahkan bahawa satu waktu amali (solat) telah diperuntukan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah (KPM 1988) seperti berikut;

“Peruntukan waktu Pendidikan Islam sebanyak enam waktu (3+1+2) di peringkat menengah rendah dan empat waktu (3+1) di peringkat menengah atas. Peruntukan satu (1) waktu amali perlu diisi dengan solat berjemaah dan aktiviti taalim seperti majlis ilmu, syaran dan diskusi.”

Justeru itu, peruntukan jumlah waktu belajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ini ialah empat waktu iaitu tiga waktu untuk bidang kefahaman kurikulum bersubjek seperti al-Quran dan Ulum Syariah secara teori manakala satu waktu lagi untuk amali (praktikal) solat oleh pelajar. Perlaksanaan bagi satu waktu tersebut adalah dimasukkan dalam jadual waktu belajar mingguan di peringkat menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Oleh hal yang demikian, peruntukan satu waktu amali tersebut telah digariskan oleh pihak KPM sendiri iaitu pengisian waktu perlu diisi dengan pemantauan oleh pihak guru secara menyeluruh bermula dari pelajar mengambil wuduk lagi. Setelah itu, pelajar akan melaksanakan solat serta menjalankan sesi-sesi pendek yang lain seperti sesi azan, wirid, doa, tazkirah, muzakarah dan lain-

lain lagi. (Abdul Mubin bin A. Gani, 1999). Antara perkara perlu diberi perhatian oleh guru dalam amali solat ialah mendengarkan bacaan-bacaan pelajar dalam solat serta melihat kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar ketika amali solat sedang dijalankan agar dapat dinilai dan dibaiki oleh guru yang memantau. Jika sesi pendek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik oleh guru maka sudah pasti obejektif Pendidikan Islam yang dibina oleh pihak kementerian bagi melahirkan insan yang berakhhlak hasil dari pengajaran dan pembelajaran guru tidaklah dapat dilihat. Ini menunjukkan keseriusan pihak kerajaan dalam mentranformasikan Pendidikan Islam di negara ini bukan sahaja melalui teori sahaja malah praktikal juga.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan intipati kandungan kurikulum KBSM mata pelajar Pendidikan Islam di sekolah-sekolah pada hari ini, seolah-olah telah memberi harapan baru yang tinggi kepada masyarakat. Keupayaan Pendidikan Islam menampakkan kemampuan membentuk dan membimbing para pelajar supaya berjayaan dunia ni dan ukhrawi mmelalui kaedah teori disusuli dengan praktikal yang mantap. Ini sejajar dengan ajaran Islam yang menjadikan amalan solat sebagai indikator penting bagi menyuburkan akhlak mulia seseorang muslim.

Justeru itu, kesempurnaan solat perlu bagi mempersiapkan agar jati diri seseorang itu dalam menempuh pelbagai cabaran serta menghindari segala bentuk kejahanan dan kemungkar. Firman Allah dalam surah al-Ankabut ayat 45 :

اَتَلْ مَا اُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ
٤٥

Justeru itu, Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sangat serius dalam melahirkan generasi yang peka dalam solat dengan harapan mampu menjadikan pelajar yang berakhhlak mulia. Menerusi kenyataannya berkata, kurikulum di peringkat rendah dan menengah pada subjek Pendidikan Islam dengan menyediakan waktu khusus untuk aktiviti solat secara berjemaah sebagai salah satu usaha untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani (Berita Harian, 3 Disember 2017). Menurut Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan, Mohd Razali Mustafar, kewajipan mengadakan solat berjemaah sebelum pulang dari sekolah dalam usaha keteguhan diri pelajar dan beliau mensasarkan kira-kira 10 peratus daripada murid-murid lelaki Islam boleh menjadi pemimpin dalam masyarakat (Berita harian, 29 November 2007).

Meskipun perlbagai program dan rancangan telah disusun dan dibuat oleh pihak sekolah agar memastikan pelajar dapat belajar, beramal dengan alaman solat banyak laporan yang sering didedahkan dalam akhbar-akhbar tempatan memerlukan satu tindakan yang berkesan dalam menangani isu melibatkan masalah kemerosotan disiplin dan akhlak remaja, belia di kalangan pelajar agar

dapat ditangani dengan segera dan sewajarnya. Apatah lagi dewasa ini banyak berlaku perkara negatif terutama di kalangan remaja yang majoritinya adalah pelajar sekolah menengah dalam lingkungan seawal usia 13 hingga mencecah umur 20 tahun. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka, di sepanjang tahun 2014, sebanyak 4304 kes yang melibatkan salah laku pelajar seperti penyalahgunaan dadah telah direkodkan, manakala pada tahun 2015 pula sebanyak 4972 kes telah direkodkan dan terdapat unjuran peningkatan sebanyak 668 kes atau 6.2 peratus. Manakala statistik yang melibatkan masalah sosial bagi tahun 2014 adalah sebanyak 3672 kes dan bagi tahun 2015 pula telah mencatatkan sebanyak 2943 kes. Walupun berlaku penurunan statistik kadar jenayah sosial pada tahun 2015 iaitu sebanyak 730 kes atau 19.9 peratus tetapi kes yang melibatkan rogol dilihat berlaku dalam kalangan pelajar menimbulkan keimbangan iaitu pada tahun 2015 sahaja telah mencatatkan peningkatan sebanyak 82 kes iaitu 17 kes atau 26.2 peratus melebihi daripada tahun 2014 (Jabatan Agama Islam Melaka, 2016).

Ditambah pula dengan pelbagai kenyataan berkaitan masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar di sekolah hari ni, seolah-olah menampakkan suatu yang bercanggah dengan perancangan dan tujuan asal Falasafah Pendidikan Islam tersebut dan seolah-olah tiada impak yang positif disebalik program Amali Solat kepada pelajar sedangkan di dalamnya terdapat menekankan samada teori mahu pun praktikal solat di sekolah. Meskipun pada suatu masa dahulu masalah tersebut lebih banyak melibatkan selain pelajar sekolah, tetapi masalah disiplin dan jenayah turut dilaporkan dalam kalangan pelajar malah lebih teruk dan membimbangkan. Jika dilihat bilangan yang masuk ke Sekolah Henry Gurny dan Sekolah Intergriti di negara ini, sehingga 31 Mei 2016 jumlahnya mencecah 2,353 orang pelajar. Selain itu, menurut naib Pengerusi Kanan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye menyatakan bahawa statistik penangkapan salah laku menerusi jenayah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar menunjukkan angka yang membimbangkan. Mengikut statistik penangkapan salah laku jenayah keruntuhan akhlak pelajar yang direkodkan sekitar antara tahun 2017 hingga 2018 adalah seperti jadual 1 :

Jadual 1: Statistik penangkapan salah laku jenayah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar

Tahun	Bilangan Penangkapan
2017	1,722
2018	1,286

Sumber : Berita Harian, 11 November 2019

Rekod tersebut memperlihatkan kepada masyarakat, tangkapan-tangkapan salah laku jenayah yang melibatkan pelajar saban tahun adalah tinggi dan membimbangkan. Selain itu juga, kes-kes yang melibatkan kemasukan tahanan dalam kalangan remaja ke pusat pemulihan akhlak adalah tinggi oleh Jabatan Penjara Malaysia dari tahun 2016 hingga 2017 adalah seperti di jadual 2 :

Jadual 2: Kes Tahanan Remaja di Pusat Pemulihan Akhlak (LLPK) dari tahun 2016 hingga 2017

Kekerapan	2016		2017	
Pusat Pemulihan Akhlak (LLPK)	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
	926	26	1149	49

Sumber : laman web rasmi Penjara Malaysia.

Terdapat juga statistik yang berkaitan banduan dalam kalangan belia di seluruh negara mengikut negeri masing-masing atas kesalahan pelbagai seperti mencuri, merosakkan harta benda awam dan sebagainya. Statistik tersebut merujuk jadual 3 berkaitan salah laku belia dari tahun 2016 hingga 2017.

Jadual 3 : Statistik Banduan Belia Sabitan Negeri bagi Tahun 2016-2017.

Negeri	2016	2017
Johor	1042	3134
Kedah	876	2687
Kelantan	819	2600
Melaka	826	1937
Negeri Sembilan	489	745
Pahang	731	2176
Perak	990	2350
Perlis	100	454
Pulau Pinang	394	2267
Sabah	1019	3107
Serawak	464	958
Selangor	629	7524
Terengganu	465	1326
Jumlah	8844	31265

Sumber : laman web rasmi Jabatan Penjara Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Apabila diperhatikan kepada masalah kes-kes yang melibatkan belia dalam kalangan pelajar ini, menjadi persoalan dalam diri pengkaji peranan dan fungsi solat atau diistilahkan sejauh mana keberkesanan program-program solat di sekolah menjadi benteng melakukan maksiat dan kemungkaran berkesan kepada pengamalnya? Sedangkan pelbagai program-program kerohanian berkaitan keagamaan seperti solat di sekolah telah dilaksanakan, atau adakah tidak ada kesinambungan pendidikan Islam yang di gariskan oleh pihak kementerian khasnya berkaitan amalan solat di sekolah sehingga kes-kes jenayah remaja semakin berleluasa? Apakah jalan penyelesaian yang terbaik bagi pihak tertentu supaya masalah ini dapat dibendung?

Keadaan ini menjadi persoalan pengkaji, sejauhmana kesanan program solat khususnya yang di gariskan oleh pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan jabatan-jabatan agama Islam negeri yang bertanggungjawab menyediakan kurikulum Pendidikan Islam yang berterusan, baik di peringkat sekolah rendah atau pun menengah mendapat impak yang positif dan memuaskan untuk dilaksanakan atau perlu penambahbaikan mengikut kesesuaian semasa pada hari ini. Justeru itu, bagi menjawab persoalan-persoalan yang dinyatakan, kajian perlu dilakukan melihat impak program KBSM yang berkaitan dengan amali solat di sekolah serta pengamalan solat sehari-hari pelajar perlu dinilai agar mampu menjadikan generasi yang bersolat serta berakhlik selaras dengan kehendak matlamat Pendidikan Islam di negara ini.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menganalisis implikasi Program Amali Solat terhadap pembentukan akhlak pelajar di setiap sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah tahap implikasi Program Amali Solat terhadap pembentukan akhlak pelajar di setiap sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka?

METODOLOGI KAJIAN

Dalam sudut penelitian secara ilmiah, metodologi merupakan satu falsafah dalam proses penyelidikan yang merangkumi keberangkalian dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidik untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan kajian. Ditambah pula, metodologi adalah falsafah kepada proses penyelidikan dan ini termasuk andaian-andaian serta nilai-nilai yang menjadi hujah penyelidik. Selain daripada itu, penyelidik menggunakan sebagai ukuran ataupun kriteria untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan (Bailey, 1978). Kajian ini dilakukan untuk melihat implikasi program amali solat yang dilakukan di sekolah terpilih dalam pembentukan akhlak pelajar. Justeru itu, pemasalah yang telah dikenalpasti akan diselesaikan menggunakan metod yang terdapat dalam kaedah kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan.

Justeru itu, penyelidikan ini berbentuk kajian tinjauan di mana melibatkan penggunaan soal kaji selidik atau maklumat statistik untuk mengumpul data mengenai sesuatu populasi, pemikiran atau tingkah laku responden. Analisis deskriptif dibuat seperti min, mod, median, peratus dan kekerapan akan dijalankan untuk mendapat maklumat dan data mengenai perkara di atas melalui sampel yang diperoleh daripada responden.

Bagi memudahkan pengkaji mendapat data dan maklumat yang lebih terperinci daripada sebahagian kecil populasi, kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk menambah ketepatan keputusan. Pemilihan responden di dalam kajian ini bermula dengan mendapat keizinan daripada pihak sekolah di sekitar daerah Alor Gajah mengikut kawasan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan

Hang Kasturi (Masjid Tanah), Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat (Kuala Sungai Baru), Sekolah Menengah Kebangsaan Lubuk China (Lubuk China), Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Udang (Sungai Udang), Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Tunggal (Alor Gajah), Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Mansor Shah (Pulau Subang).

Justeru itu, subjek yang menjadi penelitian pengkaji ialah pelajar-pelajar muslim kategori menengah atas dalam kalangan tingakatan 4 berpopulasi sejumlah 823 orang yang merangkumi 6 buah sekolah mewakili sebuah sekolah setiap satu pekan. Pengkaji telah mengambil sampel dengan anggaran berjumlah 269 hingga 300 orang berdasarkan saiz sampel adaptasi Krejcie & Morgan (1970). Instrumen kajian ialah alat bagi mendapatkan data dari sampel kajian, bahkan instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik (Mohd Najib Ghafar, 1999). Instrumen soal selidik berbentuk satu senarai soalan-soalan bertulis disediakan oleh pengkaji yang difikirkan merangkumi maklumat-maklumat yang dikehendaki. Justeru itu, pengakaji menyediakan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar di sekolah yang terbabit dengan kajian. Kaedah ini dapat mengenal pasti implikasi program amali solat di sekolah tersebut dari sudut akhlak responden. Pengkaji telah membina instrumen soal selidik ini berdasarkan keberhasilan program amali solat berjemaah di sekolah terhadap pelajar.

Kesemua item yang digunakan dalam soal selidik tersebut adalah item berbentuk negatif dan positif. Instrumen kajian atau soal selidik ini akan memberi lima jawapan berdasarkan skala likert lima poin dengan memberi lima skor yang diberikan sama ada sangat tidak setuju tentang kenyataan, tidak setuju, tidak tahu, setuju dan sangat setuju. Selain itu dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua jenis data, iaitu data primer dan data skunder. Bagi data primer adalah sebagai data kuantitatif iaitu data-data yang dikumpul melalui soal selidik, manakala data skunder adalah data kuantitatif yang terdiri daripada data-data yang terkumpul melalui pemerhatian dan pengumpulan dokumen.

Pengkaji akan mendapat data dan maklumat kajian ini menerusi bahan perpustakaan bahan-bahan yang bercetak seperti buku, jurnal-jurnal, tesis, prosiding kertas kerja atau pertambangan, laporan penyelidikan, surat-surat pekeliling yang berkaitan, majalah, akbar, kertas seminar dan latihan ilmiah yang lepas, artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian, bahan di laman sesawang dan sebagainya yang dinukilkan oleh para ilmuwan sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris serta dalam bahasa Arab yang kemudian dianalisis oleh pengkaji untuk mendapatkan satu kesimpulan kajian. Selain itu, melalui kajian perpustakaan ini juga amat membantu pengkaji untuk menyediakan pengenalan kepada kajian serta landasan teori dalam bab satu dan bab dua ini. Justeru itu, kaedah ini dapat membantu pengkaji merangka borang kaji selidik untuk mendapatkan hasil dapatan kajian.

Selain daripada kajian berbentuk perpustakaan yang dijalankan di pusat-pusat rujukan tertentu, kajian lapangan juga perlu dilakukan bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci dengan mengumpul segala data, maklumat, statistik secara langsung dari responden. Ditambah pula, kaedah kajian lapangan perlu dilakukan untuk mendapat data-data kajian yang lebih

sesuai dan seimbang (Marohaini Yusuf, 2001). Dalam kajian ini pengkaji menjalankan kerja lapangan bersusuaian dengan kaedah kuantitatif bagi memperolehi hasil dapatan melalui edaran soal selidik. Hasil kajian yang diperolehi melalui soal selidik akan dijadikan data utama atau data primer dalam kajian ini. Jadual yang dibina pula akan mengikut sub topik dan kemudiannya dihuraikan mengikut peratusan, min dan sisisian piawai. Selain itu juga analisis kolerasi dan regresi turut dijalankan untuk melihat hubungan antara beberapa item yang dinyatakan.

Bagi prosedur pengumpulan data dijalankan secara berperingkat supaya berjalan dengan lancar dan telus. Peringkat pertama, apabila kelulusan kertas cadangan kajian dan tajuk telah diluluskan, pengkaji menghantar pemohonan secara online kepada Kementerian Pelajaran Malaysia Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, proses kelulusan ini mengambil masa di antara lima hari bekerja. Setelah mendapat kelulusan daripada pihak kementerian, pengkaji memohon pula kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Melaka (JPNM) untuk menjalankan penyelidikan terhadap sampel di sekolah-sekolah yang telah dikenalpasti.

Bagi mendapat jawapan kepada setiap persoalan yang dibina, pengkaji telah pergi ke sekolah-sekolah yang dikenalpasti untuk memohon kebenaran kepada pengetua sekolah terlibat bagi menjalankan kajian. Perbincangan dua hala antara pengkaji dengan pihak sekolah sehingga mendapat kata persetujuan bersama. Pengkaji telah datang ke sekolah-sekolah tersebut pada hari dan masa yang dibenarkan oleh pihak sekolah bagi edaran soal selidik. Usaha untuk mengumpulkan soal selidik mengambil masa selama tiga minggu. Apabila semua borang soal selidik dapat diisi oleh responden, proses mengumpul dan menyemak dilakukan bagi memastikan data yang ingin diperolehi oleh pengkaji berjalan dengan baik. Bagi proses akhir yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah memasukan data yang diperolehi ke dalam komputer dengan menggunakan perisian SPSS untuk di proses dan dianalisis.

KONSEP SOLAT MENURUT DEFINISI SOLAT

Solat Menurut Bahasa

“Solat” merupakan perkataan diambil dari bahasa Arab dan ia merupakan kata terbitan (*masdar*) dari kata (*fī’li’*) ; *solla*, *yusolli*, *solatan* yang membawa erti doa, *istighfar*, *al-maghfirah*, *al-rahmah*, *al-Islam*, *al-din* (al-Ma’jam al-Arabi al-Asasi, 1999). Ditambah pula menurut al-Zuhayli (2008), solat dari segi bahasa sebagai doa atau memohon sesuatu kebaikan. Firman Allah dalam Surah al-Taubah 103 :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَثَرَكِيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَواتِكَ
سَكَنَ لَهُمْ وَأَللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ ۖ ۱۰۳

I. Solat Menurut Istilah Fiqh

Para fuqaha' telah mendefinisikan perkataan solat menurut istilah fiqh dengan pelbagai pengertian. Menurut al-Syarbini (1999), solat dari segi istilah ialah suatu perkataan dan perbuatan yang didahului dengan takbir dan diakhiri dengan salam mengikut syarat-syarat tertentu. Pengertian ini dikuatkan oleh al-Zuhayli (2008) dalam kitabnya dengan menyatakan, solat ialah suatu amalan yang terdiri dari perkataan dan perbuatan yang tertentu pada syarak bermula dari takbir pertama sehingga diakhiri dengan salam.

Oleh hal demikian, ibadah solat merupakan ibadah menghubungkan diri terus kepada Allah Taala yang mengandungi penghayatan rohani dan jasmani tentang keagungan Allah sehingga datang rasa takwa kepadaNya. Sifat takwa serta takut ini mampu mendisplinkan hidup seseorang melalui solat sehari. Jika solat ini dapat dilakukan dengan sempurna dengan *khusyuk* dan *khudu'* maka ia akan memberi kesan terhadap hati dan tingkah laku manusia seperti menerangi cahaya hati, melatih jiwa kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan solat yang baik juga mampu menjadi ubat kepada segala penyakit hati (al-Sawaf, 1968).

KONSEP AKHLAK MENURUT DEFINISI AKHLAK DALAM ISLAM

Perkataan akhlak diambil dalam bahasa arab berasal dari *jamak : khalaqa* (حَلْقَة), *khalaqan* (خَلْقَانِ), *akhlak* (أَخْلَاقٌ) dari segi bahasa membawa erti kepada beberapa pengertian iaitu budi pekerti, budi bahasa, adab sopan, tingkah laku, moral dan sebagainya, mala akhlak boleh diertikan sebagai sifat atau tabiat. Ada beberapa dalil dari hadis Nabi SAW yang menggunakan perkataan *khulqah* antaranya yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA :

أَكْمَلَ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُكُمْ لِنْسَائِهِمْ³

Manakala perkataan akhlak pula digunakan dalam hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بَعْثَتْ لِأَتَمِّمِ
صَالِحَ الْأَخْلَاقِ⁴

Menurut al-Ghazali (1991) perkataan Khuluq (akhlak) itu sendiri membawa kepada “Suatu ibarat atau ungkapan tentang keadaan yang menenangkan jiwa dan hati, jadi ketenangan jiwa lahirnya perbuatan tingkah laku

³ Hadith riwayat al-Tirmizi no. 1162.

⁴ HR. al-Imam Ahmad dalam al-Musnad (2/381) al-Bukhari dalam al-Adabul Mufrad (no. 273) dan at-Tarikhul Kabir (7/188), al-Hakim dalam al-Mustadrak (2/613), al-Qudha'i dalam Musnad asy-Syihab (no. 1165), Ibnu Abi ad-Dunya dalam Makarimul Akhlaq (no. 13) dan lain lain

secara semulajadi tanpa memikir atau penilaian tertentu. Maka apabila pelakuan yang baik dengan keadaan yang baik lahirnya perbuatan tingkah laku yang baik secara terpuji pada akal manusia serta syarak dan ia dinamakan sebagai akhlak yang baik. Manakala jika pelakunya menetapkan hati yang tidak baik maka akanlah perbuatan tingkah laku yang buruk dan keji dan ia dinamakan sebagai akhlak yang buruk dan keji. Justeru itu, Imam al-Ghazali mengaitkan akhlak dengan jiwa seseorang. Firman Allah Taala dalam surah al-Shod ayat 71 hingga 72 :

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلَقْتُ بَشَرًا مِّنْ طِينٍ فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَجِدِينَ

Perkataan akhlak menurut istilak syarak ialah suatu kumpulan sifat yang dimiliki oleh seseorang yang melaluinya akan lahir perbuatan baik ataupun buruk malah menurut al-Ghazali (1967) di dalam kitabnya, akhlak merupakan sifat yang berada dalam jiwa manusia yang mampu membentuk pertimbangan fikiran manusia. Menurut Ibnu Maskawayh (1934) perkataan akhlak membawa erti keadaan jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Justeru itu, perkataan akhlak dibahaskan oleh para ilmuan Islam sinonimnya berkaitan dengan tabiat dan apabila dihubungkan dengan Islam ianya merangkumi hubungan manusia dengan makhluk yang lain.

IMPAK SOLAT TERHADAP PEMBENTUKAN AKHLAK

Secara umumnya al-Quran dengan jelasnya melalui surah al-Ankabut ayat 45 membahaskan hubungkait antara solat dan akhlak seseorang. Oleh hal yang demikian, dalam pembentukan cara hidup individu berlandaskan Islam yang sempurna, peranan solat sangat penting dalam mendidik tingkah laku manusia seharian. Solat yang sempurna mampu melahirkan akhlak yang sempurna sehingga melahirkan kerohanian yang tinggi bagi mencapai keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Hasil dari kerohanian yang tinggi pula mampu menjadikan sesebuah masyarakat yang berdaya maju menghasilkan semangat juang yang tinggi, tidak mudah menyerah kalah serta dapat menanamkan sikap bermasyarakat sehingga perkara-perkara sifat yang dikeji dapat dijauhi seperti mementingkan diri sendiri dan sebagainya (Ismail Abas, 2007).

Sepertimana dimaklumi, ibadah solat merupakan kepala kepada sesuatu perkara. Solat yang berkualiti mampu membentuk tata cara kehidupan muslim yang dituntut syarak. Oleh sebab itu, perlakuan dan bacaan-bacaan di dalam solat mampu melatih seseorang ke arah yang lebih baik. Selain itu juga, solat berperanan dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan berakhlik seperti yang berikut :

I. Melahirkan Masyarakat Yang Muafakat Dan Bersatupadu.

Dalam mendirikan solat sehari-hari, amalan solat berjemaah adalah sangat dititik beratkan khasnya bagi golongan lelaki yang sudah cukup baligh. Ini kerana banyak hadith Nabi SAW mengenai keutamaan solat berjemaah berbanding solat bersendirian. Hadith yang diriwayatkan oleh Abdulllah Ibn Umar RA berkata, Nabi SAW bersabda :

عَنْ أَبِي عُمَرْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ عَلَى صَلَاةِ الْفَدْرَسِ بَسْعَ وَعِشْرِينَ دَرْجَةً⁵

Namun begitu, solat secara berjemaah ini bukan hanya dilihat pada kelebihan pahalanya sahaja berbanding solat bersendirian malah hikmah disebalik pelaksannya itu cukup memberi impak dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut Hasan al-Turabi (1977), selain solat secara berjemaah ini akan melambangkan penyatuan organisasi yang terpimpin, ia juga mampu menguatkan hubungan persaudaraan sesama masyarakat, serta merapatkan tali *silatulrahim* serta berkasih sayang di kalangan jemaah yang hadir.

Di samping itu, lambang perpaduan dan muafakat dapat di lihat melalui penekan disiplin *saf* solat yang teratur ketika solat malah di pimpin oleh imam pada setiap pergerakan maknum dengan penuh khusyuk dan taat.

II. Menyamatarkan Kedudukan Ahli Masyarakat

Allah mendidik masyarakat untuk saling hormat menghormati antara satu sama lain melalui solat. Tanpa mengira kedudukan darjah dan pangkat dalam masyarakat, kewajipan ibadah solat ini diwajibkan kepada semua muslim melalui cara pergerakan, sebutannya yang sekata. Ketika solat berjemaah pula, semua golongan tidak kira darjah yang berbeza akan berada dalam satu *saf* yang sama yang diketuai oleh imam. Kesamarataan dalam solat ini mampu mendidik masyarakat terus saling menghormati, merendahkan diri serta sedar bahawa semua manusia adalah sama di sisi Allah. Oleh hal yang demikian, solat mampu mendidik masyarakat dengan lebih berakhlik dan berdisiplin sehingga keharmonian dicapai dalam kehidupan sehari-hari.

Selain itu, melalui kesan perlaksanaan solat sehari-hari, manusia terdidik sehingga mampu pembentukan akhlak yang baik dan terpuji bagi memastikan Islam sentiasa dipandang tinggi oleh agama-agama yang lain. Buktinya, melalui solat mampu membentuk sifat sabar kerana seseorang yang ingin melakukan solat hendaklah sentiasa bersusah payah bagun seawal pagi untuk menuaikan solat subuh, memberhentikan kerja-kerja sehari-hari bagi memberi laluan kepada ibadat solat zohor dan asar, ketika keletihan iaitu pada waktu yang kerja terpaksa melaksanakan ibadat solat maghrib dan isyak. Justeru itu, hanya mereka yang

⁵ Hadith riwayat oleh Imam al-Bukhari no. 645 dan riwayat Imam Muslim no.650.

mempunyai kesabaran yang tinggi sahaja mampu melaksanakan ibadah tersebut dengan sempurna. Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 53 yang mengaitkan ibadah solat dengan sabar. Melalui sifat sabar yang tinggi ini, manusia dapat lahirkan sifat-sifat yang lain seperti istiqamah, gigih, teliti, berhati-hati dalam perlakuan, amanah, menepati masa dan sifat-sifat baik yang lain.

Selain itu juga, ibadah solat mampu memberi kesan mendalam pada pembentukan akhlak secara lebih khusus boleh difahami melalui beberapa proses persediaan dan pelaksanaan amali solat seorang muslim seharian. Melalui persedian dan pelaksanaan solat itu sendiri akan memberi kesan yang baik selepas pelaksanaannya seperti ketika laungan azan berkumandang, ketika mengambil wuduk, berdiri ketika solat, bacaan-bacaan wirid dalam solat, rukuk, sujud dan lain-lain jika dilakukan dengan sempurna.

III. Kesan Akhlak Terhadap Seruan Azan Dan Iqamah.

Ketika azan berkumandang lagi mampu memberi kesan yang baik pada diri seorang muslim sekiranya dapat difahami dengan baik lafaz kalimahnya. Seruan azan dan iqamah ini mampu berperanan menyedarkan manusia yang sentiasa leka dan alpa akan tanggungjawab untuk menyembah Allah. Firman Allah SWT dalam al-Quran :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَنْفَكِرُونَ فِي حَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بِطِلَّا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Selain itu, kesan baik azan dalam pembentukan ibadah mampu menjaukan manusia dari syaitan (kemungkaran). Hadith riwayat Abu Hurairah RA berkata, Nabi SAW bersabda :

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا تُوْدِيَ لِلصَّلَاةِ أَدْبَرَ الشَّيْطَانَ وَلَهُ ضُرَاطٌ حَتَّىٰ لَا يَسْمَعَ التَّادِيْنَ إِذَا قُضِيَ النِّدَاءُ أَفْبَلَ حَتَّىٰ إِذَا تُوْبَ بِالصَّلَاةِ أَدْبَرَ حَتَّىٰ إِذَا قُضِيَ التَّوْبَ أَفْبَلَ حَتَّىٰ يَخْطُرَ بَيْنَ الْمَرْءَ وَنَفْسِهِ يَقُولُ : اذْكُرْ كَذَا اذْكُرْ كَذَا لِمَا مُمِكِّنٌ يَذْكُرْ حَتَّىٰ يَظْلَمَ الرَّجُلُ لَا يَدْرِي كَمْ صَلَّى⁶.

IV. Kesan Pembentukan Akhlak Melalui Berwuduk Dengan Sempurna

Wuduk adalah salah satu pensyariatan di dalam Islam lambangkan kesucian diri setiap muslim. Menurut Kamus Dewan (2007), perkataan wuduk ialah perbuatan yang menyucikan diri dengan mengambil air sembahyang dan menjadi syarat utama sahnya ibadah solat. Selain itu, wuduk bukan sahaja mampu membersihkan diri secara lahiriah (luaran) malah ia mampu memberi kesucian

⁶ Hadith riwayat oleh Imam al-Bukhari no. 608 dan riwayat oleh Imam Muslim no.389

pada batin (dalaman) pengamalnya. Dari aspek luaran, apabila seorang itu berwuduk mereka akan membersihkan anggota-anggota rukun wuduk seperti muka, kedua-dua belah tangan, bahagian kepala serta kedua-dua belah kaki. Firman Allah Taala dalam al-Quran pada surah al-Maidah ayat 6 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُبْلَتِ الصَّلَاةُ فَأُغْسِلُوا وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيهِكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Manakala dari segi batin (dalaman) perlakuan membasuh anggota wuduk seperti yang syariatkan oleh Islam memberi isyarat kepada penyucian diri daripada dosa-dosa yang dilakukan oleh mata, lidah, tangan, fikiran, kaki. Amalan berwuduk mampu memberi kesan pembentukan akhlak yang mulia kepada pengamal secara hakikatnya.. Menurut Udah Mohsin (1986) mengatakan ianya memberi banyak hikmah dan mampu menghasilkan peribadi yang mulia. Setiap anggota tubuh badan yang berwuduk mampu menggugurkan dosa-dosa yang ada pada orang yang berwuduk setiap kali dia melakukannya. Nabi SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad RAH:

مَنْ تَوَضَّأَ فَاسْبَغَ الْوَضْوَءَ غَسْلَ يَدِيهِ وَوَجْهِهِ وَمَسَحَ عَلَى رَأْسِهِ وَأَذْنِيهِ
ثُمَّ قَامَ إِلَى صَلَاةٍ مَفْرُضَةٍ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ⁷

Justeru itu, setiap kali seseorang itu berwuduk dengan sempurna, setiap itulah anggotanya akan dalam keadaan suci bersih zahir dan batin. Selain itu juga, apabila seseorang itu menyucikan dirinya dari dosa, akan melahirkan sifat muslim yang bertaubat kepada Allah Taala. Akhlak taubat ialah menyesali segala perbuatan negetif yang dilakukan dan berazam untuk tidak mengulanginya. Jadi apabila seseorang itu berwuduk setiap kali untuk solat, ini bermakna seseorang itu sentiasa menjaga kesucian zahir dan batin disamping menjadikan insan yang bertaubat.

V. Kesan Akhlak Terhadap Rukun Perbuatan Solat

Rukun *fe’li* merupakan pergerakan asas yang wajib dilakukan dalam perlakuan solat seperti berdiri, rukuk, *i’tidal*, sujud, duduk antara dua sujud dan tahiyyat yang sempurna. Setiap muslim yang bersolat perlu menjaga keterbatasan dan tingkah lakunya agar solat sah dan sempurna. Sikap berhati-hati dalam setiap pergerakan akan mendatangkan hasil dan kesan yang baik sepertimana dikehendaki oleh syarak. Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 238:

حَفِظُوا عَلَى الصَّلَوةِ وَالصَّلَوةِ الْوُسْطَى وَقُوْمُوا لِللهِ قُنْتِينَ

⁷ Hamdi Abdul Hamid al-Asqalani (t.t), *al-Mukjam li Asqalani* (260h -360 h), Maktabah Ibn Taimiyah, no. 8032, jilid 8, ms 319.

Apabila dinilai kembali, sikap berhati-hati dalam setiap pergerakan itu mampu melahirkan sikap manusia yang bertanggungjawab dan beramanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan sehari-hari. Muslim tersebut bukan sahaja akan sentiasa menjaga tindak tanduk dan kelakuan yang baik dengan Tuhan-Nya sahaja dalam solatnya malah mampu menjaga tingkah laku diluar solat sesama manusia seperti ibu bapa, guru, keluarga, jiran dan masyarakat sekeliling kerana mereka paham kesan tingkah laku manusia akan dipersoalkan di akhirat kelak di hadapan Allah.

VI. Kesan Akhlak Melalui Pergerakan Rukuk Dan Sujud Secara Khusus

Rukuk dan sujud merupakan sebahagian rukun *fe'li* (perbuatan) di dalam solat. Sepertimana kita ketahui sebelum ini, pergerakan rukun *fe'li* ini mampu memberi kesan pembentukan sikap berhati-hati dalam tingkah laku sehari-hari manusia. Selain itu juga, rukuk dan sujud ini melambangkan kerendahan hati hamba terhadap Penciptanya sebab ketika rukuk dan sujud, manusia perlu mengambarkan dalam hati Zat Allah Taala yang Maha Sempurna. Apabila perlakuan ini kerap kali diulang-ulang dalam solat hati seorang hamba yang solat mampu merasakan kesempurnaan sifat Allah yang Maha tinggi sehingga hamba yang bersolat ini mampu membuang sifat mazmumah hati seperti takabbur (membesar diri). Begitu juga sifat-sifat yang lain seperti riak atau menunjukkan-jukkan dalam sesuatu hal amalan, sifat ujub merasakan dirinya hebat dan sebagainya. Firman Allah Taala surah al-Baqarah ayat 284 :

اللَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدِوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أُوْتُ خُفْوَهُ
يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَعْذِبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ

Ayat di atas menunjukkan hebatnya Allah Maha Sempurna dan membandingkan kebijaksanaan Allah berbanding makhluknya yang serba kekurangan. Ketika rukuk dan sujud inilah manusia akan rasa kehambaan melalui lahirnya sifat bersih hati, ikhlas dalam melakukan amalan sehari-hari.

vii. Kesan Akhlak Melalui Rukun Tertib Dan *Ta'minah*.

Tertib dalam setiap rukun merupakan salah satu rukun solat yang membawa makna berturutan. Ianya adalah menjadi satu kewajipan dalam perlakuan solat kerana menunjukkan syariat solat mempunyai atur cara yang perlu ditaati oleh setiap pengamalnya sebagai contoh bermula perlakuan solat dari *takbiratul ihram* kemudian diikuti dengan membaca fatihah kemudian rukuk, *i'tidal* dan seterusnya mengikut susunan yang dikendaki syarak tidak boleh melangkaui rukun-rukun yang lain tanpa mengikut tertib. Manakala *ta'minah* pula bermaksud bertenang sementara di antara pergerakan rukun kepada rukun yang lain pada tempuh yang tertentu.

Tertib dan *ta'minah* ini sangat dititik beratkan di dalam solat kerana syariat solat khususnya menggambarkan setiap pergerakan dan perlakuan manusia perlu dilakukan dengan tenang dan tersusun mengikut susunan dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah Taala. Selain mengetahui Allah taala merupakan Hakim (Pembuat hukum) dan merancang setiap apa yang berlaku di bumi ini malahan seorang muslim perlu berhati-hati dan tidak tergopoh-gapah dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Justeru itu perancangan yang rapi disusuli tindakan yang tenang tidak melulu dan tidak melampau adalah perkara yang dipuji syarak, firman Allah Taala surah *al-Saff* ayat 3:

كَبُرَ مَقْتَنِيٌّ عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَعْلَمُونَ

VIII. Kesan Akhlak Melalui Rukun *Qawli* (Perkataan) Dan Bacaan Zikir Dalam Solat

Kesempurnaan amali solat bukan sahaja pada rukun *fe'li* semata-mata, malahan disusuli dengan rukun-rukun *qawli* yang lain contohnya bacaan surah al-Fatiyah ketika berdiri pada setiap rakaat, bacaan tasyiatul akhir serta bacaan-bacaan sunat dan zikir seperti bacaan ketika rukuk, sujud dan pergerakan yang lain dalam bahasa arab seperti yang telah disyariatkan oleh Islam. Maka jika dibaca dengan terjemahan, solat tersebut tidak sah dan terbatal (Dr. Mustafa Khin et. al, 2013).

Selain daripada larangan bercakap-cakap di dalam solat, seorang muslim yang mendirikan solat perlu menjaga lisan dan pertuturannya supaya solat itu sentiasa dalam keadaan solat. Hasil daripada perintah ini mampu melahirkan seorang yang sentiasa menjaga lidah dan percakapannya supaya tidak bercakap pada perkara-perkara yang tidak dikehendaki syarak seperti menghina, memaki, merendah-rendahkan orang lain dan sebagainya. Perlaksanaan solat ini mampu menjadikan seseorang itu muslim yang sentiasa beradab santun dalam menuturkan percakapannya sesama yang lain serta berpesan-pesan ke arah kebaikan dan mencegah kejahanatan, sentiasa berzikir adalah perkara yang dipuji oleh syarak. Firman Allah Taala dalam surah al-Asr ayat 1 hingga 3:

إِذَا جَاءَ نَصْرٌ اَللَّهُ وَالْفَتْحُ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ اَفْوَاجًا
فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرُهُ اِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا

Justeru itu dengan solat, manusia akan dididik dalam pertuturan sehari-hari selaras dengan apa yang dikehendaki oleh syarak sehingga melahirkan manusia yang beradab dan bersopan santun.

IX. Kesan Pembentukan Akhlak Melalui Penjagan Masa

Allah Taala mewajibkan penentuan solat fardu sehari-hari dengan menetapkan waktu tertentu seperti waktu subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak berdasarkan firman Allah Taala dalam surah al-Nisa' ayat 103:

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَلَاذُكْرُوا اللَّهَ قِبْلَةَ وَقْعُودًا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ فَإِذَا أَطْمَأْنْتُمْ فَاقْبِلُوْا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Justeru itu, setiap waktu solat fardu itu telah ditetapkan oleh syarak mengikut masa yang tertentu dan kadar masa yang berbeza-beza. Sebelum disyariatkan perintah solat kepada manusia, Allah telah menetapkan dan membezakan waktu dalam sehari contohnya waktu zohor bermula apabila tergelincirnya matahari ke sebelah barat dan ianya berakhir waktu apabila bayang-bayang sesuatu objek dibawah sinaran matahari lebih panjang dari ukuran asalnya dan lepas waktu tersebut dikira sebagai waktu asar. Perintah solat perlu dilakukan ketika waktu yang telah ditetapkan bagi menentukan sahnya dan sempurna solat fardu tersebut. Apabila seorang muslim menjaga solatnya pada waktu yang telah ditetapkan, ini bermakna muslim tersebut sifat menjaga masa atau ketepatan masa dapat dibentuk. Secara tidak langsung dapat melahirkan sifat-sifat yang positif seperti bertangjawab pada menyelesaikan tugasnya, menepati janji serta amanah dalam melaksanakan tugas. Sifat-sifat ini ada hubungannya dengan penjaan waktu.

X. Kesan Pembentukan Akhlak Melalui Berpakaian

Cara berpakaian dengan sempurna dititik beratkan dalam solat kerana ia termasuk antara syarat sah solat iaitu menutup aurat. Firman Allah Taala dalam surah al-A'raf ayat 31 :

لَبَّيْتِيْ إِنَّمَا خُدُوا رِبِّنَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوْا وَأَشْرَبُوا وَلَا تُشْرِفُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Menurut Ibnu Abas RA dalam kitab *Fiqh Manhji*, dalil di atas menerangkan perintah menutup aurat ketika solat bagi lelaki muslim dengan had wajib minimumnya antara pusat sehingga lutut, manakala had wajib tutup aurat wanita ketika solat ialah seluruh badan wanita kecuali di bahagian muka dan ke dua tapak tangan (Dr. Mustafa Khin et. al, 2013). Kewajipan menutup aurat ini bukan sahaja diwajibkan ketika pelaksanaan solat sahaja, malah kewajipan ini ditetapkan juga selepas waktu mengerjakan solat kerana ia melambangkan penjagaan maruah muslim yang tinggi. Secara tidak langsungnya, seorang muslim yang mendirikan solat wajib memenuhi tuntutan syarak dengan menutup aurat dengan sempurna dan menjadikan muslim tersebut sentiasa menjaga maruah, kehormatannya sebagai memenuhi perintah Allah Taala yang agung serta mengelakkan dirinya diganggu dari kejahatan serta manifesti akhlak mereka yang dibentuk melalui adab berpakaian. Firman Allah Taala dalam surah al-Ahzab ayat 59 :

أَيَّا هَا النَّبِيُّ قُلْ لَاَرْوَحُكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُذْنِبَنَ عَلَيْهِنَ مِنْ جَلِيلِهِنَ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْذِنَنَ وَكَانَ اللَّهُ غُفُورًا رَّحِيمًا

Selain dari menjaga maruah diri muslim melalui penjagaan aurat pakaian muslim, tahap kebersihan juga diambil kira oleh syarak ketika pelaksanaan solat dalam menentukan sah atau batal. Dalam Islam kebersihan pakaian, diri dan tempat solat hendaklah suci daripada segala sebarang najis bagi memastikan kesempurnaan dan objektif solat tercapai melalui firman Allah Taala al-A'raf ayat 31. Ini menggambarkan apabila seseorang itu sentiasa solat mengikut waktunya, mendidik seseorang itu sentiasa menjaga kebersihan luaran dan dalaman daripada sebarang najis. Kebersihan ditekankan oleh Islam sehingga mampu membersihkan sifat kerohanian yang tinggi pada pengamalnya.

ANALISIS SOAL SELIDIK

Bagi memudahkan penganalisisan kajian, pengkaji telah. Analisis ini diuraikan berdasarkan kekerapan, peratusan dan min. Setiap bahagian diinterpretasikan berdasarkan Pekali Alfa Cronbach dengan nilai min antara 1.00 hingga 2.33 diinterpretasikan sebagai tahap rendah, 2.34 hingga 3.66 sebagai tahap sederhana dan 3.67 hingga 5.00 sebagai tahap tinggi (Mohd Najib Ghafar, 2003).

Analisis Implikasi Program Amali Solat Pada Pembentukan Akhlak Pelajar Semasa Persediaan Solat

Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Implikasi Program Amali Solat pada pembentukan akhlak pelajar semasa persediaan solat

ITEM	1	2	3	4	5			Interpr estasi
	STS	TS	KS	S	SS	MIN	SP	
Setelah di ajar oleh guru :	%	%	%	%	%			
tentang azan dan iqamat, ia menjadikan saya peka kepada tanggungjawab seharian.	0	0.3	16.7	42	41	4.24	0.732	Tinggi
tentang azan dan iqamat, ia menjadikan saya menghormati pada sesuatu perkara.	1	0	5.7	38.3	55	4.46	0.695	Tinggi
tentang waktu solat, saya suka segerakan sesuatu urusan daripada menangguhkannya.	0.7	2.7	36.3	37.3	23	3.79	0.848	Tinggi

tentang azan dan iqamat, saya lebih berdisiplin dalam menguruskan waktu.	0.3	2.7	33	43.7	20.3	3.81	0.798	Tinggi
tentang berwuduk, saya mampu menjaga kebersihan pada setiap waktu.	0	1	14.3	47.3	37.3	4.21	0.717	Tinggi
tentang berwuduk, saya dapat menjaga pandangan daripada melihat perkara yang mungkar.	0.3	3	34.3	40.3	22	3.81	0.824	Tinggi
tentang berwuduk, saya mampu menjaga pertuturan seharihan.	0	5.3	41.3	40	13.3	3.61	0.783	Sederhana
tentang wuduk, saya dapat muhasabah kesalahan diri yang lalu.	0.3	4.7	24.7	49	21.3	3.86	0.813	Tinggi
tentang berwuduk, ia menjadikan diri saya seorang yang bertaubat pada kesalahan lalu.	1	1.7	26	47	24.3	3.92	0.81	Tinggi
tentang waktu solat, ia menjadikan diri saya seorang yang menepati waktu.	0.3	3.3	31	39.3	26	3.87	0.848	Tinggi
tentang waktu solat, ia menjadikan diri saya amanah dalam setiap tugasan.	0	1.3	25	50.7	23	3.95	0.73	Tinggi
cara berpakaian dalam solat, ia menjadikan diri saya seorang yang bermaruah.	0.3	0.7	5.3	39	54.7	4.47	0.661	Tinggi
cara berpakaian dalam solat, ia menjadikan saya seorang yang beretika dalam berpakaian.	0	0.7	7.7	44.3	47.3	4.38	0.657	Tinggi

menjaga aurat dalam solat, saya sentiasa memastikan cara berpakaian yang tidak mendedahkan aurat.	0	0.7	4	39.3	56	4.51	0.609	Tinggi
cara berpakaian dalam solat, ia menjadikan diri saya menjadi seorang yang berdisiplin.	0	0.7	14.7	44.3	40.3	4.24	0.721	Tinggi

Sumber : Data Soal Selidik, 2019

ANALISIS IMPLIKASI PROGRAM AMALI SOLAT PADA PEMBENTUKAN AKHLAK PELAJAR SEMASA SOLAT

Jadual 5 : Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Implikasi Program Amali Solat pada pembentukan akhlak pelajar semasa solat.

ITEM	1	2	3	4	5	MIN	SP	Interp restasi
	STS	TS	KS	S	SS			
Setelah diajar oleh guru :	%	%	%	%	%			
tentang pergerakan dalam solat (rukun fe'li), saya mampu menjaga tingkah laku seharian.	0	3.7	31.7	51	13.7	3.75	0.733	Tinggi
tentang pergerakan dalam solat (rukun fe'li), saya lebih berhati-hati bertindak dalam sesuatu perkara.	0.3	2.3	23	55	19.3	3.91	0.735	Tinggi
tentang pergerakan dalam solat (rukun fe'li), saya lebih bertanggungjawab dalam menguruskan sesuatu kerja.	0	1.7	29.7	54	14.7	3.82	0.691	Tinggi

tentang pergerakan dalam solat (rukun fe'li) ia menjadikan saya amanah dalam sesuatu urusan.	0	2	26	52.3	19.7	3.9	0.726	Tinggi
tentang sujud, saya mampu melahirkan diri yang sentiasa bertawaduk.	0.3	1	27.3	46.3	25	3.95	0.77	Tinggi
tentang sujud, ia mampu menjadikan saya seorang yang sentiasa merendah diri.	0	1.3	12.3	52.3	34	4.19	0.694	Tinggi
tentang sujud dalam solat, ia mampu melahirkan sikap saya yang sentiasa mengagungkan Allah.	0.3	0.7	8.3	42.7	48	4.37	0.694	Tinggi
tentang tertib pada rukun, menjadikan saya lebih tersusun dan teratur dalam kehidupan.	0	1.3	21.3	55	22.3	3.98	0.701	Tinggi
tentang ta'minah di setiap rukun, menjadikan diri saya lebih tenang dalam tindakan.	0	1.3	21.3	51.3	26	4.02	0.727	Tinggi
tentang perbuatan ta'minah menjadikan saya berhati-hati melakukan sesuatu urusan.	0.7	1.7	20.7	57	20	3.94	0.729	Tinggi
tentang bacaan dalam solat, saya mampu mengingati Allah sentiasa.	0.3	1.3	11	49.3	38	4.23	0.722	Tinggi
tentang bacaan dalam solat, saya sentiasa berkata dengan perkataan baik.	0	1.7	33.7	47	17.7	3.81	0.738	Tinggi

tentang bacaan dalam solat, saya lebih berhati-hati dalam percakapan.	0	2.7	30.7	46	20.7	3.85	0.774	Tinggi
tentang bacaan dalam solat, menjadikan diri saya seorang bersopan santun dalam pertuturan.	0	3.3	31.3	47	18.3	3.8	0.77	Tinggi
tentang bacaan dalam solat, saya dapat merendah diri dalam percakapan.	0.3	3.3	26.7	51.7	18	3.84	0.765	Tinggi

Sumber : Data Soal Selidik, 2019

DAPATAN KAJIAN

Implikasi Program Amali Solat Terhadap Pelajar Dengan Pembentukan Akhlak Pelajar

Secara umumnya, hasil kajian ini dibina bagi menjawab persoalan kajian kedua berkaitan dengan sejauhmana implikasi Program Amali Solat mampu membentuk akhlak pelajar. Dalam soal selidik yang dijalankan kepada enam buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Alor Gajah, seramai 300 responden telah menjawabnya. Pengkaji membahagikan kepada dua bahagian utama dalam Amali Solat ini sama ada persediaan solat dan ketika solat. Pengkaji menyenaraikan 15 item soal selidik berkaitan Program Amali Solat serta kesannya terhadap akhlak pelajar.

Di bawah perkara “Persediaan Solat” ini, terdapat lima perkara utama yang memberi impak kepada akhlak pelajar iaitu, berkaitan azan dan iqamah, berkaitan kesempurnaan wuduk, berkaitan penetapan waktu solat, berkaitan tentang kewajipan berpakaian dan menutup aurat. Berdasarkan kajian telah dilakukan, didapati bahawa keseluruhannya menghasilkan skala min yang tinggi kecuali min sederhana pada item (7) “Setelah diajar oleh guru tentang berwuduk, saya mampu menjaga pertuturan seharian”, menunjukkan tiada responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.3% tidak setuju, 41.3% tidak pasti, 40% setuju dan 13.3% sangat setuju. Min bagi pernyataan ini adalah paling rendah iaitu 3.61 dan sisihan piawai 0.783 adalah sederhana. Sehubungan dengan itu, ini menunjukkan bahawa Program Amali Solat ini mampu memberi impak terhadap pembentukan akhlak pelajar adalah tinggi masih pada tahap yang baik.

Bagi item azan dan iqamah, kesemuanya menunjukkan kesan kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan azan dan iqamah mampu menjadikan seseorang itu lebih berakhlik. Hadith nabi SAW bersabda maksudnya “Apabila diseru untuk menunaikan sembahyang (azan) maka larilah lintang pukang sampai terkentut sehingga dia tidak mendengar azan tersebut. Apabila selasai azan itu, ia datang semula dan apabila dilaungkan iqamah larilah syaitan itu

menganggu manusia dan hatinya (was-was) syaitan membisik kepadanya supaya ingtkan itu dan ini sedangkan tidak pula ia teringat perkara tersebut sebelum sembahyang sehingga orang itu tidak mengetahui berapa rakaat telah dilakukan dalam solatnya". Udah Mohsin (1986) menyatakan tentang hadith ini, apabila orang mukmin beramal dengan hadith tersebut dengan baik, sikap menghormati lauangan azan itu merupakan sikap yang terpuji malahan penghayatan terhadap lafaz-lafaznya, ia akan membantu seseorang bersikap dengan sikap yang baik.

Bagi item wuduk, kesemuanya menunjukkan kepada kesan akhlak pelajar adalah tinggi dan sederhana. Ini menunjukkan wuduk mampu menjadikan seseorang itu lebih berakh�ak. Menurut Udah Mohsin (1986) ianya memberi banyak hikmah dan mampu menghasilkan peribadi yang mulia. Setiap anggota tubuh badan yang berwuduk mampu menggugurkan dosa-dosa yang ada pada orang yang berwuduk setiap kali dia melakukannya. Nabi SAW bersabda bermaksud "*Siapa yang mengambil wuduk dengan sempurna, membasuh kedua tangannya, membasuh mukanya, menyapu kepalanya serta kedua telinganya dan kemudian dia mendirikan solat fardu, maka Allah akan mengampunkan segala dosa-dosa yang telah dia alkukan pada hari tersebut*".

Bagi item penetapan waktu solat pula, kesemuanya menunjukkan kesan kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan pensyariatan penetapan waktu solat juga mampu memberi kesan yang tinggi pada perlakuan berakh�ak pelajar itu sendiri. Apabila seorang muslim menjaga solatnya pada waktu yang telah ditetapkan, ini bermakna muslim tersebut sifat menjaga masa atau ketepatan masa dapat dibentuk. Secara tidak langsung dapat melahirkan sifat-sifat yang positif seperti bertanggungjawab pada menyelesaikan tugasnya, menepati janji serta amanah dalam melaksanakan tugas. Sifat-sifat ini ada hubungannya dengan penjaan waktu.

Bagi item perintah berpakaian dan menutup aurat pula, kesemuanya menunjukkan impak kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan pensyariatan berpakaian dan menutup aurat juga mampu memberi kesan yang tinggi pada perlakuan berakh�ak pelajar itu sendiri. Kewajipan menutup aurat ini bukan sahaja diwajibkan ketika pelaksanaan solat sahaja, malah kewajipan ini ditetapkan juga selepas waktu mengerjakan solat kerana ia melambangkan penjagaan maruah muslim yang tinggi. Firman Allah Taala dalam Surah al-Nur ayat 30.

Secara tidak langsungnya, apabila pelajar yang mendirikan solat wajib memenuhi tuntutan syarak dengan menutup aurat dengan sempurna akan menjadikan dia bermaruah dalam tindakannya serta menjaga kehormatannya sebagai memenuhi perintah Allah Taala yang agung. Hal ini juga mengelakkan dirinya melakukan kejahatan hasilnya pembentukan akhlak mereka melalui adab berpakaian. Selain itu, perintah ini mampu mendidik diri manusia dalam kehidupan seharian bagi memelihara kemaluannya dari melakukan kemaksiatan kepada Allah seperti zina. Firman Allah Taala surah al-Mukminun ayat 5 hingga 6 bermaksud "*Dan mereka yang menjaga kehormatannya, Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela*".

Penjagaan maruah diri bukan sahaja dilihat melalui berpakaian, malahan tahap kebersihan juga dapat praktikkan dalam kehidupan seharian seorang muslim. Kebersihan dalam berpakaian, diri dan tempat solat amatlah dititik beratkan bagi memastikan kesempurnaan dan objektif solat tercapai. Firman Allah Taala surah al-A'raf ayat 31 maksudnya “*Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas*”.

Semasa Pelaksanaan Solat

Di bawah perkara “Semasa Solat” ini, terdapat lima perkara utama yang memberi impak kepada akhlak pelajar iaitu, pergerakan dalam solat (*rukun fe'li*), perlakuan sujud, tertib, ta'maninah dan bacaan-bacaan dalam solat (*rukun qawli*). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa keseluruhannya menghasilkan skala min yang tinggi malah yang mencatatkan hasil min yang tertinggi ialah berkaitan item (7) “Setelah diajar oleh guru tentang sujud dalam solat, ia mampu melahirkan sikap saya yang sentiasa mengagungkan Allah” mencatat min tertinggi iaitu 4.37 dan sisihan piawai 0.694. 0.3% responden menjawab sangat tidak setuju, 0.7% sangat setuju, 8.3% tidak pasti, 42.7% setuju dan 48% sangat setuju.

Bagi hasil item pergerakan dalam solat (*rukun fe'li*), kesemuanya menunjukkan impak kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan pergerakan dalam solat (*rukun fe'li*) mampu memberi kesan yang tinggi pada perlakuan akhlak pelajar itu sendiri. Apabila pelajar mendirikan solat ianya mampu menjaga keterbatasan dan tingkah lakunya agar solat sah dan sempurna. Sikap berhati-hati dalam setiap pergerakan telah mendatangkan kesan yang baik sepertimana dikehendaki oleh syarak. Firman Allah Taala Surah al-Baqarah ayat 238 maksydnnya “*Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu, khasnya sembahyang Wusta (sembahyang Asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk*”.

Apabila dinilai kembali, sikap berhati-hati dalam setiap pergerakan, pelajar mampu melahirkan sikap bertanggungjawab dan beramanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan seharian. Pelajar tersebut bukan sahaja akan sentiasa menjaga tindak tanduk dan kelakuan yang baik dengan Tuhan mereka sahaja dalam solatnya malah mampu menjaga tingkah lakunya diluar solat sesama manusia seperti ibu bapa, guru, keluarga, jiran dan masyarakat sekeliling kerana mereka tahu kesan tingkah laku manusia akan dipersoalkan di akhirat kelak di hadapan Allah. Firman Allah Taala Surah Yasin ayat 65 maksudnya “*Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan*”.

Bagi hasil item pergerakan sujud, kesemuanya menunjukkan impak kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan pergerakan sujud mampu memberi

kesan yang tinggi pada perlakuan akhlak pelajar itu sendiri. Rukuk dan sujud ini melambangkan kerendahan hati hamba terhadap Penciptanya. Sikap tindakan pelajar sujud di dalam solatnya dengan berulang kali sehingga mampu menjadikan seorang yang tawaduk dan rendah diri sentiasa. Sikap ini membolehkan pelajar menjauhkan diri dari sifat mazmumah hati seperti *takabbur* (membesar diri). Selain itu juga sifat-sifat yang lain seperti riak atau menunjukkan-junjuk dalam sesuatu hal amalan, sifat ujub merasakan dirinya hebat juga boleh dijauhi. Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 284 maksudnya “*Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu*”.

Demikian pula hasil item tertib dan *ta'maninah* dalam solat, kesemuanya menunjukkan impak kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan tertib dan *ta'maninah* mampu memberi kesan yang tinggi pada perlakuan akhlak pelajar itu sendiri. Apabila pelajar sangat menitik beratkan perbuatan tertib dan *ta'maninah* dalam solatnya ia mampu menggambarkan setiap pergerakan dan perlakuan manusia perlu dilakukan dengan tenang dan tersusun mengikut susunan dan perancangan yang telah ditetapkan oleh Allah Taala. Selain itu, melalui perbuatan tersebut pelajar mampu menjadikan dirinya seorang muslim yang penuh berhati-hati dan tidak tergopoh-gapah dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Bagi item bacaan dalam solat, kesemuanya menunjukkan impak kepada akhlak pelajar adalah tinggi. Ini menunjukkan bacaan dalam solat mampu memberi kesan yang tinggi pada perlakuan akhlak pelajar itu sendiri. Hasil daripada penghayatan terhadap bacaan yang dibaca ini ia mampu melahirkan pelajar yang sentiasa menjaga lidah dan percakapannya supaya tidak bercakap pada perkara-perkara yang tidak dikehendaki syarak seperti menghina, memaki, merendah-rendahkan orang lain dan sebagainya. Larangan Allah di dalam al-Quran, firman Allah Taala dalam surah al-Hujurat 11 hingga 12 maksudnya *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka mereka lah orang-orang yang zalim. Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan*

janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.

Selain itu, bacaan yang baik dan tersusun telah membentuk pertuturan pelajar yang lebih baik dan sopan sesama yang lain serta berpesan-pesan ke arah kebaikan. Dalam kajian ini, hasil dapatan min adalah tinggi menunjukan kepada tahap akhlak pelajar adalah baik. Oleh kerana itu, melalui penghayatan bacaan ini telah membantu pelajar seorang yang sentiasa berzikir dan bertaubat. Ini menunjukan bahawa Program Amali Solat ini mampu memberi impak yang berterusan kepada pembentukan akhlak pelajar di setiap aspek samada melalui perkataan.

Walaubagaimanapun, hasil dapatan responden dikalangan pelajar adalah tinggi dikalangan pelajar perempuan berbanding lelaki pada di kelas kelas pertama, kedua dan ketiga. Ini kerana kelas tesebut merupakan pelajar dari aliran yang terpilih berbanding dengan kelas-kelas yang lain. Selain itu, keseimbangan dalam memahami sesuatu pelajaran untuk diterapkan dalam kehidupan mereka adalah tinggi. Menurut Sarimah Mokhtar et. al (2011) dalam kajiannya “*Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor*” yang diakui oleh enam pakar yang lain mengatakan bagi profil jantina menunjukkan pelajar perempuan dominan dalam ketiga-tiga domain iaitu domain sifat peribadi, domain amalan sosial dan domain amalan agama yang menunjukkan akhlak itu tinggi berbanding lelaki.

Peranan ibu bapa juga dapat dilihat sebagai penyumbang kepada pembentukan akhlak pelajar tersebut. Kebanyakan pelajar yang tinggal bersama ibu bapa mereka menjadi responden berbanding dengan tinggal bersama atau dan nenek atau lain-lain adalah tinggi. Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah maksudnya “*Tidaklah seorang bayi yang dilahirkan melainkan dalam keadaan fitrah, maka Kedua orang tuanya yang menjadikannya Yahudi, atau Nasrani atau Musyrik.*”⁸

Menurut Abdul Munir Ismail (1985), anak-anak menjalani proses pembentukan akhlak baik setelah melihat tingkahlaku ibu bapa dan keluarga atau dalam persekitaran rumah itu baik. Amalan nilai perlakuan yang baik yang diamalkan dalam institusi keluarga dicurahkan kepada anak-anak secara tidak langsung bagi membentuk akhlak mulia. Justeru, ibu bapa cemerlang sewajarnya mengenalpasti pelbagai fitrah yang dimiliki oleh anak-anak dan seterusnya memupuk mereka ke arah perkembangan fitrah yang lebih baik. Malahan, institusi keluarga merupakan institusi yang penting dalam memikul tanggungjawab membentuk peribadi anak-anak dari segi akidah, akhlak, akademik dan moral seseorang insan itu sendiri.

⁸ Hadith riwayat Imam al-Bukhari no.1358 dan riwayat Imam Muslim no. 2658

PENUTUP

Solat merupakan kewajipan bagi Islam yang unggul. Perintah tersebut mempunyai hikmah dan kebaikan yang banyak khasnya dalam pembentukan akhlak dan tingkahlaku seseorang. Bertepatan dalam surah al-Ankabut ayat 45 bermaksud “*Sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari perbuatan keji dan mungkar*”. Kejayaan individu bermula dari titik pelaksanaan Muslim dalam solatnya. Tetapi sejak akhir-akhir ini, pelanggaran dalam menunaikan ibadah solat semakin hari semakin membimbangkan terutama dalam kalangan pelajar. Kesan tersebut dapat dilihat dengan keruntuhan akhlak pelajar semakin hari semakin teruk di dalam masyarakat. Keruntuhan akhlak yang teruk berpunca daripada kecuaian umat Islam dalam mendirikan ibadah solat terutamanya.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana impak yang berlaku di antara solat dengan akhlak serta dapat menghuraikan beberapa persoalan dalam kajian ini. 300 orang pelajar mewakili 6 buah sekolah yang dipilih oleh pengkaji di sekitar daerah Alor Gajah Melaka telah terlibat dalam kajian ini untuk mengenalpasti impak terhadap program amali solat yang dijalankan. Berdasarkan persoalan kajian yang dinyatakan, terdapat beberapa rumusan ilmiah dapatan kajian telah dikemukakan. Hasil dapatan kajian ini telah dibincangkan dengan mengambil kira juga pelbagai faktor kejayaan pelaksanaan yang dijalankan di sekolah-sekolah. Disertakan juga implikasi kajian kepada pihak-pihak yang terlibat serta cadangan penambahbaikan kepada pihak-pihak yang berwajib seperti pihak kementerian, pihak sekolah, pihak Ibu bapa dan juga pelajar dinyatakan dalam bab ini.

Usaha-usaha yang berterusan perlu dirancang, dilaksanakan dan diperbaiki hari demi hari agar dapat melahirkan generasi remaja yang bersolat. Memperkasakan aliran pengajaran dan pembelajaran secara formal di sekolah amat penting dalam memastikan segala maklumat dapai disampaikan secara telus dan dihayati dengan baik dan berkesan. Apabila solat menjadi keutamaan dalam kehidupan mereka, secara tidak langsung akan tercapai objektif solat iaitu menjadi banteng kepada perkara yang mungkar serta pelbagai gejala negerif di masa akan datang. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu agar dalam menjadikan generasi anak-anak hari ini sebagai generasi yang bersolat. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengharapkan pihak ibu bapa memainkan peranan yang penting serta dibantu sepenuhnya oleh semua pihak sama ada dari pihak kerajaan, sekolah ataupun masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Anisah Ab. Ghani (2001). Konsep dan Pengamalan Solat. Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan (1983), Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam. Dar Salam : Kaherah, Mesir.
- Abdul Mubin b A. Gani (1999), Kajian Pelaksanaan Amali Solat Dalam Kurikulum Pendidikan Islam KBSM di Sekolah Menengah Rendah Daerah

- Kluang Johor. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Al- Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. Ilya’ ‘Ulum al-Din, Beirut: Dar al- Khair. 1994.
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, Ihya’ ‘Ulum al-Din,, (tej), Ismail Yaakub, Indonesia : Percetakan Menara Kudus, 1980.
- Al-Syarbini, Al-Iqna’ Fi Hal al-Faz Abi Syuja’, Beirut : Dar al-Kutub Ilm’ah, 1999 jld 1, ms 257.
- Al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muammad al-Ghazali (1967), Ihya’ Ulum al-Din, juz 3 : Kaherah, Muassasah al-Jabla wa al-Syawkah, ms 68.
- Al-Ma’jam al-Arabi al-Asasi (1999), Kaherah : al-Manzimah al-Arabiyah Li al-Tarbiyah Wa al-Thaqofah Wa al-Ulum, jld 1, ms 746.
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali, Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Jurnal Perspektif Jld. 8 Bil. 2 (1-10).
- Hasan al-Turabi (1977), al-Salah Imad al-Deen, Kuwait : Dar al-Qalam.
- Ibnu Muaskawayh (1934), Tahdhib al-Akhlas wa Ta’thir al-Araq, Mesir, al-Mamaktabah al-Misriyyah, ms 40.
- Ismail Abas , Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Cabaran Wawasan 2020, Jurnal Penyelidikan Institusi Perguruan Islam Selangor, jld 10, 2007, ms 84.
- Jabatan Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka (2017), Koleksi Khutbah Jumaat 2016, Unit Penerbitan Jabatan Agama Islam Melaka dan majlis Agama Islam Melaka
- Kenneth D. Bailey. 1978, Methods of Social Research, New York: A Division of Mac Milan Publishing Co, Inc, ms 26.
- Krejcie, R. V., & D.W. Mogan (1970), Determining siza for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30: 607-610.
- Kamus Dewan, ed ke-4, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), ms 1435.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Sekolah Menengah, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Kuala Lumpur.
- Muhammad Thalib. Ibu bapa Mithali. Kuala Lumpur : Darul Nu’mam, 1997.
- Mohd Majid Konting (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mohd Najib Ghafar (1999), Penyelidikan Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu.
- Marohaini Yusuf, Penyelidikan Kuanlitatif, Pengalaman Kerja Lapangan Kajian (Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001), ms39.
- Marohaini Yusuf, Pertimbangan Kritikal dalam Perlaksanaan Kajian kes secara Kualitatif, dalam Morohani (ed) Penyelidikan Kualitatif : Pengalaman

- Kerja Lapangan Kajian. Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
(2001): ms 35-36.
- Mustafa al-Khan, Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji (1998), al-Fiqh Manhaji
Ala al-Mazhab al-Shafie, Damsyik : Dar al-Qalam, jld 1,ms 9.
- Mustafa Masyhur (1992), Muqawwimat Rijal Al-Tariq Al-Dakwah, Dar al-
Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah : Kaherah. ms 31.
- Nur Dalilah Zakaria, Raihanah Azahari (2013), Hubungan Antara Tahap
Pelaksanaan Solat Fardu Dengan Konflik Rumah Tangga : Kajian Di Unit
Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan
Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 17/1988 KP(PPK) 32/4/Jld. VII(1)
- Udah Mohsin (1986) Kesan Ibadah dalam Pembentukan Akhlak seorang Muslim,
cetakan ke-2, Shah Alam Selangor : Penerbitan Hizbi.
- Wahbah al-Zuhayli (2008), Fiqh Islami wa adillatuhu, Damsyik : Syria, Dar al-
Fiqr, jld 1, ms 559.